

17/06/1999

Penyatuan Melayu diutamakan

Jamhariah Jaafar

ADAKAH Pergerakan Pemuda Umno bacul kerana enggan menyertai kumpulan penentang yang menggelarkan diri mereka pejuang keadilan?

"Biarlah mereka memanggil saya bacul buat masa ini kerana saya tidak mahu anak cucu saya tidak memaafkan saya pada masa depan. Saya tidak mahu menjadi seperti Mat Jenin yang menang sorak, tapi kampung tergadai," tegas Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein.

Itulah ikrar yang diperjuangkan Pergerakan Pemuda Umno apabila mengadakan perhimpunan agung hari ini.

Ketua Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pula menegaskan ahli-ahlinya berazam memastikan perjuangan Umno tidak akan tergadai, semata-mata akibat kekecewaan yang diluahkan segelintir ahli, sebaliknya akan menghadapi cabaran lebih sengit alaf baru dengan semangat dan perpaduan yang lebih jitu. Bagi Pergerakan Wanita, peranan mereka begitu penting pada saat-saat getir menjelang pilihan raya kali ini kerana tumpuan parti pembangkang terhadap undi wanita diberi penuh perhatian. Undi wanita boleh dianggap sebagai penentu kemenangan parti. Oleh itu, tugas pergerakan wanita lebih berat kali ini berbanding pilihan raya sebelumnya. Apa yang jelas, parti pembangkang terutama Parti Keadilan Nasional (keADILan) menggunakan pendekatan meraih simpati daripada pengundi, terutama pengundi wanita dengan menonjolkan imej Presiden keADILan, Datin Seri Wan Azizah Ismail. Untuk mengelakkan pengundi terpengaruh dengan taktik parti itu, Pergerakan Wanita perlu menangani isu itu dengan bijak. Setakat ini pergerakan itu masih berada jauh di hadapan kerana kaum wanita sendiri sedar bahawa untuk memimpin sebuah negara, ia bukan sekadar berlandaskan emosi sentimental. Seorang pemimpin memerlukan daya kepemimpinan yang tinggi dan tahan diuji. Sikap parti pembangkang yang membelakangkan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang juga menyebabkan golongan itu marah kerana ia meletakkan mereka dalam kumpulan kelas dua. Apa pun, pergerakan itu perlu memberi penjelasan yang meyakinkan kerana dalam menentukan corak sesebuah kerajaan, perasaan simpati tidak termasuk dalam kriteria pemilihan seseorang pemimpin, apatah lagi jika mahu mengetuai sebuah kerajaan. Pergerakan itu seharusnya mempunyai fakta untuk membetulkan sebarang kekeliruan dan menjernihkan sebarang kekeruhan.

Pergerakan Pemuda sudah pun mengorak langkah bagi memastikan Umno dan Barisan Nasional (BN) terus mencatat kejayaan cemerlang pada pilihan raya akan datang, walaupun pembangkang mendabik dada mengatakan bahawa kecemerlangan yang diidamkan BN sukar dicapai.

"Walau apapun dakwaan pembangkang, sejarah akan memberikan kita gambaran yang lebih jelas. Sejarah akan menentukan sama ada perjuangan ini adalah untuk diri sendiri atau untuk orang Melayu.

"Bagi saya, matlamat saya dan Pemuda adalah untuk memastikan Umno terus kukuh dan utuh demi kepentingan dan pelindung untuk generasi akan datang," tegas Hishammuddin.

Jelasnya, sejak menjadi pemerintah pada 1957, Umno dan BN sudah membuktikan kemampuan dan kewibawaannya untuk membawa dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bukan saja aman, kaya dan makmur, tetapi disegani di pentas antarabangsa.

Malah, katanya, Malaysia menerusi pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad patut berbangga dengan kejayaan yang meletakkan Malaysia kepada satu status yang tidak pernah diimpikan selama ini.

Justeru, perhimpunan agung kali ini adalah penting bukan saja untuk

orang Melayu, malah rakyat Malaysia keseluruhannya terutama selepas kegawatan ekonomi dan pilitik yang melanda negara baru-baru ini.

"Keadaan yang berlaku mengizinkan kita bermusyawarah dan membuat proses muhasabah diri dalam memasti dan mengingatkan perwakilan mengenai perpaduan dan kesatuan orang Melayu dalam dunia globalisasi.

"Dengan jumlah (orang Melayu) yang begitu kecil tetapi cabarannya begitu hebat, kita tidak ada masa untuk bersengketa dan berpecah sesama sendiri," katanya.

Untuk itu, Pergerakan Pemuda lebih menjurus kepada usaha menyatupadukan orang Melayu yang berpecah-belah akibat perbezaan ideologi atau kurang faham dengan perkembangan semasa. Tugas ini agak mencabar terutama untuk meyakinkan sesetengah pihak yang terpesong bahawa Umno sebenarnya tidak melakukan dosa kepada orang Melayu. Namun, dengan keyakinan bahawa sifat orang Melayu jarang yang berkerat rotan, sebahagian besar mereka boleh disatukan semula menerusi Umno.

Dalam perhimpunan kali ini, barisan kepimpinan Pemuda yang diketuai Hishammuddin sejak sembilan bulan lalu, selepas mengambil alih jawatan daripada Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang meletak jawatan, dijangka menghadapi pelbagai luahan emosi daripada 519 perwakilan yang menghadiri perhimpunan itu.

Kegawatan ekonomi yang melanda negara pada pertengahan 1997, diburukkan lagi dengan kemelut politik apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim, dipecat sebagai timbalan perdana menteri dan timbalan presiden parti, sedikit sebanyak memberi kesan kepada parti.

Walaupun isu Anwar tidak lagi relevan untuk dibincang, Hishammuddin bagaimanapun berkata: "Parti Umno cukup demokratik, kerana itu setiap tahun perhimpunan seperti ini akan menjadi gelanggang untuk meluahkan perasaan hati.

"Kalau marah kita akan bertanya apa sebabnya, kalau kecewa mengapa kecewa, jika bimbang apa yang perlu kita buat untuk memastikan kekusaran mereka tidak menjadi kenyataan.

"Perhimpunan seperti ini adalah penting tetapi tanggungjawab bukan hanya terletak pada bahu pemimpin saja, malah perwakilan juga patut mengetengahkan pandangan yang betul-betul ikhlas untuk kepentingan parti."

Dr Siti Zaharah juga akan turut memberi penekanan kepada perpaduan dan kesatuan pergerakannya terutama bagi menghadapi cabaran pilihan raya yang akan menjelang.

Menurutnya, perkara paling penting sekarang bukanlah untuk memecah-belahkan perpaduan yang disemai sekian lama, tetapi mengukuhkannya bagi menghadapi cabaran lebih getir pada alaf akan datang.

Walaupun fokus utama Wanita masih membabitkan isu memperjuangkan hak wanita dengan desakan pelaksanaan undang-undang Islam yang lebih berkesan, faktor perpaduan ahli dan orang Melayu tetap menjadi agenda penting mereka.

Kedua-dua pergerakan itu akan membuka tirai persidangan agung terakhir parti Umno pada alaf ini, hari ini, dengan mengemukakan tiga usul iaitu ucapan dasar Pemangku Ketua Pemuda dan Ketua Wanita, agama/sosial dan ekonomi/pendidikan.

"Pemuda dan Wanita sememangnya mempunyai semangat yang berkobar-kobar dan semangat cukup mengagumkan, tapi ia tidak sampai ke tahap sampai memperjudikan masa depan parti dan diri mereka sendiri.

"Sama ada semangat Melayu yang dimiliki ini akan membawa kesan baik atau tidak, kita kena tunggu perwakilan bersidang (hari ini)," kata Hishammuddin.

Apa pun, sebagai sayap kanan dan kiri Umno, Perhimpunan Pemuda dan Wanita Umno kali ini bukanlah sesuatu yang luar biasa. Sebagai sebuah badan politik yang biasanya dikaitkan dengan kelantangan menyuarakan

pelbagai isu, kepemimpinan parti itu juga tentulah pula bersedia mendengar kritikan daripada perwakilan.

Tidak kira siapa yang menjadi nakhkoda pertubuhan itu, sebarang cabaran seharusnya disahut dengan matang. Jika Pas dengan isu yang tidak pernah sunyi daripada mencemuh Umno, kedua-dua pergerakan itu seharusnya bangkit memberi penjelasan mengenai kedudukan sebenarnya. Perwakilan bagi kedua-dua pertubuhan itu seharusnya memberi semangat kepada badan induk itu supaya tidak berundur. Mereka seharusnya menjadi perisai kepada Umno. Setiap isu yang dibangkitkan oleh Pas sepatutnya boleh dibereskan di peringkat Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno. Jika kedua-dua pergerakan itu mampu menangkis sebarang serangan Pas, Umno boleh terus menumpukan perhatian kepada usaha membela nasib rakyat. Atas dasar ini, kepemimpinan kedua-dua pergerakan itu memerlukan daya juang yang tinggi. Kualiti itu memang sedia ada pada sesetengah pemimpin pergerakan berkenaan, cuma menunggu masa untuk mengatur langkah.

Sebenarnya, kedua-dua pergerakan itu mempunyai ruang yang begitu luas untuk bertindak balas terhadap setiap tohmahan yang dibawa pembangkang. Pembangkang, dengan kelemahan mereka, sebenarnya mendedahkan diri mereka supaya dikritik. Setakat ini, tidak jelas tindak balas kedua-dua pertubuhan itu. Namun, ini tidak bermakna mereka kurang menyengat. Kemungkinannya, kedua-dua pergerakan itu menggunakan pendekatan yang berbeza. Pergerakan itu mungkin tidak mahu dianggap bertindak seperti 'kanak-kanak berkelahi'. Mereka lebih cenderung memberi penjelasan kepada rakyat daripada mengeluarkan kenyataan garang semata-mata tetapi kekosongan isi. Inilah yang mungkin dimaksudkan dengan gerak gempur pergerakan itu. Gerak gempur tidak bermakna menyerang dan berhujah berapi-rapi. Ia lebih kepada gerakan memberi penjelasan dan membetulkan semula segala persepsi yang diselewengkan pembangkang. Jika strategi sebegini yang mereka pilih, ia perlu dilakukan secara bijaksana.

(END)